

**NO. SOALAN:49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**  
**7 MAC HINGGA 7 APRIL 2016**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[KOTA SAMARAHAN]**

**TARIKH : 21 MAC 2016 [ISNIN]**

**SOALAN :**

**YB Puan Rubiah Binti Haji Wang [KOTA SAMARAHAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan unjuran yang dilakukan oleh Kerajaan dalam menentukan taraf hidup rakyat Malaysia kini yang dikatakan pendapatan RM3 ribu ke bawah merupakan taraf miskin bandar dan bagaimanakah kaedah bagi membantu meningkatkan kualiti hidup dan pendapatan mereka ini.**

**JAWAPAN: Y.B SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menggunakan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) untuk mengukur kesejahteraan rakyat mengikut pelbagai ciri sosioekonomi. Hasil penyiasatan tersebut dapat membantu Kerajaan mengukur tahap kesejahteraan rakyat dengan lebih berkesan. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksana HIS sebanyak dua kali dalam tempoh 5 tahun. Penyiasatan terkini adalah untuk tahun 2014.

Berdasarkan HIS 2014, pendapatan purata isi rumah di bandar adalah sebanyak RM6,833 sebulan manakala Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bandar yang digunakan untuk mengukur insiden kemiskinan di bandar iaitu sebanyak RM960 sebulan. Walau bagaimanapun, pendapatan purata dan PGK bagi setiap negeri adalah berbeza kerana ia berkait rapat dengan aktiviti ekonomi dan pembangunan di kawasan berkenaan. Sebagai contoh, pendapatan purata isi rumah di Kuala Lumpur adalah sebanyak RM10,629 manakala nilai PGKnya adalah sebanyak RM1,030 sebulan. Berbanding di Sarawak, pendapatan purata bulanan isi rumah bandar adalah sebanyak RM6,075 manakala nilai PGKnya adalah sebanyak RM1,040 sebulan. Oleh yang demikian sekiranya pendapatan rakyat di bandar yang berpendapatan RM3,000 ke bawah dianggap miskin bandar adalah tidak begitu tepat.

Walau bagaimanapun, mereka yang berpendapatan RM3,000 sebulan tergolong dalam kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (isi rumah B40) di mana nilai ambang atau *threshold* pendapatan bulanan isi rumah B40 nasional adalah kurang daripada RM3,860 sebulan. Mereka tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk menampung keperluan harian dan mudah terkesan kepada cabaran kos sara hidup yang semakin meningkat. Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan akan menumpukan usaha untuk meningkatkan pendapatan dan menangani kos sara hidup isi rumah B40. Antara Inisiatif utama termasuk:

- Pertama: **Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40** dengan mengurangkan kadar keciciran pelajar dalam kalangan isi rumah B40; memastikan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi; meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden; meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi; meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu; membangunkan perusahaan berdasarkan komuniti dan sosial; menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti isi rumah B40; dan memperluas program pelaburan bagi meningkatkan pemilikan kekayaan; dan
- Kedua: **Menangani kos sara hidup yang meningkat** dengan memperkuuh pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga; meningkatkan penyediaan rumah mampu milik; meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan; memperkenalkan sistem jaringan perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif; dan meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang.

Dengan pelaksanaan inisiatif tersebut, Kerajaan yakin pendapatan dan tahap kesejahteraan rakyat akan meningkat seiring dengan arus pembangunan nasional untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sekian. Terima kasih.